

10/04/2000

KLIAB perunding utama pengkorporatan DCA

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan melantik KLIA Berhad (KLIAB) sebagai perunding utama bagi proses pengkorporatan Jabatan Penerbangan Awam (DCA), yang turut merangkumi penswastan perkhidmatan kawalan trafik udara negara.

Sumber-sumber industri penerbangan memberitahu Berita Harian, keputusan itu dibuat baru-baru ini sebagai langkah mempercepatkan proses naik taraf DCA kepada sebuah Lembaga Penerbangan Awam, selaras pelan induk aeroangkasa negara.

Bagaimanapun, katanya, keputusan kerajaan itu dianggap aneh kerana KLIAB tidak berpengalaman dalam melaksanakan proses pengkorporatan sebuah agensi kerajaan.

"Apa yang dilakukan oleh KLIAB ialah melantik syarikat asing untuk menjadi perunding susulan bagi melaksanakan pengkorporatan itu," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

KLIAB adalah syarikat yang membangunkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan jayanya, dan sehingga kini, sedang mencuba mendapatkan kontrak beberapa projek lapangan terbang di seluruh dunia. Proses pengkorporatan DCA sepatutnya bermula dengan pelancaran pelan induk aeroangkasa oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi pada 1997. Bagaimanapun, ia ditangguhkan berikutan masalah yang dihadapi dalam melaksanakan penswastan perkhidmatan trafik udara kepada Malaysia Airports Berhad (MAB).

(END)